

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

SOALAN :

YB Tuan R. Sivarasa [Subang] minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini rancangan diumumkan oleh Perdana Menteri pada 1.6.2013 untuk memindahkan kawal selia dan fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang dianggotai oleh anggota-anggota Parlimen daripada Kerajaan dan pembangkang.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) merupakan sebuah institusi di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong, yang bertanggungjawab untuk memelihara, mengawasi dan mengekalkan proses demokrasi di Negara ini, menerusi sistem pilihan raya yang bebas, adil dan saksama, dengan melaksanakan bidang kuasanya, yang telah ditetapkan mengikut Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, yang merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih; menjalankan pilihan raya umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri serta menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan; dan membuat kajian persempadanan semula Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri.

Kerajaan berpandangan bahawa sehingga kini, peranan SPR masih relevan dan mampu menjalankan tanggungjawab serta fungsi mereka sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan dengan baik dan telus.

Sekian. Terima kasih.